

## Pandangan PM hari ini jadi penentu

KUALA LUMPUR 23 Mei — Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, pandangan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok akan menjadi penentu sama ada beliau akan melepaskan jawatannya atau memikirkannya semula.

Menurutnya, beliau akan menemui Dr. Mahathir sebelum mesyuarat kabinet pagi esok bagime-

nyatakan hasratnya itu sebelum memberikan pula penjelasan kepada kabinet mengenai tindakannya itu.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita ketika ditemui selepas menerima kunjungan lebih 100 ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri MCA daripada seluruh negara di pejabatnya di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas

sama ada beliau akan mempertimbangkan permintaan Dr. Mahathir semalam yang mahukannya memikirkan semula keputusan untuk melepaskan jawatan Menteri Pengangkutan.

Dr. Ling memberitahu, beliau akan hanya menghantar surat peletakan jawatannya selepas menemui dan berbincang dengan Dr. Mahathir.